



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 4 JANUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	PERLUAS PADI SMART SBB ALA SEKINCHAN, NASIONAL, SH -12 PADI SMART SBB ALA SEKINCHAN AKAN DIPERLUAS TAHUN INI, LOKAL, HM -21 ALA SEKINCHAN SMART PADDY FIELD PROGRAMME TO BE EXPANDED, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 RICE CULTIVATION TO BE EXPANDED, NATION, CHINA PRESS -A5 SEKINCHAN SMART SBB PADDY CULTIVATION TO BE EXPANDED THIS YEAR, INCLUDING SABAH AND SARAWAK, NEWS, GUANG MING DAILY - A8 MINISTRY RAMPS UP SMART SBB INTRODUCTION EFFORTS, NATION, SIN CHEW DAILY -4 PADI SMART SBB ALA SEKINCHAN DIPERLUAS KE SABAH, SARAWAK, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
8. 9.	PERTIMBANG DASAR BAGI MINIMUM KESAN BENCANA TERHADAP HAIWAN, LOKAL, HM -22 ANIMALS MUST BE INCLUDED IN FLOOD MANAGEMENT PLANS, VIEW, THE STAR -13	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
10.	'MAFIA' TENTUKAN HARGA PADI, BERAS, BENIH, DALAM NEGERI, UM -4	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11. 12. 13. 14. 15.	KARTEL UGUT TIDAK MAHU BELI PADI PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -4 BEKAS JURUTERA JANA RM3,000 JUAL PISANG, NEGARA, KOSMO -13 NELAYAN RUGI BESAR JARING IKAN ROSAK, NEGARAKOSMO -18 RUGI LEBIH RM25,000 TANAMAN MUSNAH DITENGGELAMI BANJIR, DALAM NEGERI, UM -32 ANGKASA PERUNTUK RM10 JUTA CEBURI SEKTOR AGROMAKANAN, NASIONAL, BH -7	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Perluas Padi SMART SBB Ala Sekinchan



MOHAMAD

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melatgandakan usaha serta memperluaskan penanaman padi di bawah Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan, termasuk di Sabah dan Sarawak pada tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam hantaran di Facebook pada Rabu berkata, penanaman padi secara besar-besaran di seluruh negara, akan dapat menampung keperluan beras tempatan terutama bagi negeri

yang terjejas dengan perubahan iklim. Program SMART SBB Ala Sekinchan yang dilaksanakan KPKM itu memberi penumpuan kepada model dan amalan pertanian baik sebagaimana yang dilaksanakan oleh pesawah di Sekinchan, Selangor.

Program yang disasarkan untuk membantu menghentikan kebergantungan negara terhadap beras import itu kini sedang dilaksanakan di seluruh negara melibatkan hampir 10,000 pesawah dengan keluasan lebih 26,000 hektar. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



KLIK

NAIK HARGA | Menurut portal rasmi Lembaga

Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), harga purata ayam proses standard dijual pada RM10.30 sekilogram manakala ayam proses super dijual pada harga RM12 sekilogram. Tinjauan di Pasar Basah Chow Kit, Kuala Lumpur pada Rabu mendapati rata-rata peniaga menjual ayam segar pada harga RM10 hingga RM11 sekilogram. Tinjauan turut mendapati bawang merah kecil diimport dari India yang sebelum ini berharga RM18 seguni, mengalami kenaikan mendedaak menjadikan harga bawang merah itu mencecah RM80 seguni.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2024	HARIAN METRO	LOKAL	21

Padi SMART SBB ala Sekinchan akan diperluaskan tahun ini

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melipatgandakan usaha serta memperluaskan penanaman padi di bawah Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) ala Sekinchan termasuk di Sabah dan Sarawak pada tahun ini.

Menteri berkenaan Datuk Seri Mohamad Sabu dalam satu hantaran di Facebook semalam berkata,

penanaman padi secara besar-besaran di seluruh negara, akan dapat menampung keperluan beras tempatan terutama bagi negeri yang terjejas dengan perubahan iklim.

Program SMART SBB ala Sekinchan yang dilaksanakan KPKM itu, memberi penumpuan kepada model dan amalan pertanian baik sebagaimana yang dilaksanakan pesawah di Sekinchan, Selangor.

Selain berupaya menambah pendapatan golongan pesawah menerusi peningkatan hasil padi, program itu juga disasarkan untuk membantu menghentikan kebergantungan negara terhadap beras import dalam tempoh dua tahun.

Program SMART SBB ala Sekinchan yang kini sedang dilaksanakan di seluruh negara membabitkan hampir 10,000 pesawah dengan keluasan lebih 26,000 hektar.

Headline	Ala Sekinchan Smart Paddy Field Programme to be expanded		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	04 Jan 2024	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	90 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 682
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,045



提高全国产量 适耕庄智能稻田扩大

(吉隆坡 3 日讯) 农业及粮食安全部将进一步把适耕庄智能大规模稻田 (SMART SBB) 计划扩大至全国各地, 包括沙巴及砂拉越, 以提高稻米产量。

部长拿督斯里莫哈末沙布在脸书发文说, 在全国大规模种植稻米将能满足本地对白米的需求, 尤其是受到气候变化影响的州属。

他指出, 农业部在雪兰莪适耕庄落实上述计划, 重点关注适耕庄稻农执行的良好农业模式和实践。

除了能通过增加稻米产量来提高稻农的收入, 该计划还旨在帮助国家在两年内停止对进口白米的依赖。

该计划正在国内多个地区实施, 涉及近 1 万名稻农, 面积超过 2 万 6000 公顷。

Headline	Rice cultivation to be expanded		
MediaTitle	China Press		
Date	04 Jan 2024	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A5	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	142 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,801
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,403



擴大稻米種植 末沙布：包括沙砂



■农粮部将扩大稻米种植，包括在沙巴和砂拉越。

（吉隆坡3日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，该部将在今年加倍努力，并在“迷你适耕庄智能稻田耕作及灌溉创新”计划（SMART SBB）下扩大稻米种植，包括在沙巴和砂拉越。

他今日在面子书贴文说，在全国大规模种植稻米将能够满足本地的白米需求，尤其是受气候变化影响的州属。

农粮部落实的“迷你适耕庄

智能稻田耕作及灌溉创新”计划，重点关注雪兰莪适耕庄稻农执行的良好农业模式和实践。

除了能够通过增加稻米产量来增加稻农的收入，该计划还旨在帮助国家在两年内停止依赖进口白米。

该计划目前正在全国范围内实施，涉及近1万名稻农，面积超过2万6000公顷。

Headline	Sekinchan Smart SBB paddy cultivation to be expanded this year, including Sabah and		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	04 Jan 2024	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A8	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	90 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,364
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,091



農糧部力推智能稻田 包括在沙砂擴大種稻

(吉隆坡3日讯) 农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，农粮部将会加大力度推行大规模智能稻田计划 (Smart SBB)，包括在沙巴和砂拉越扩大稻田种植。

他在脸书专页贴文表

示，全国推行大规模水稻种植将有助于满足本地白米需求，尤其是受到气候变化影响的州属。

这项大规模智能稻田计划是由农粮部推行，并以仿效雪兰莪透耕庄智能稻田耕作及灌溉创

新计划为主，专注于透耕庄农民采用的耕作模式和实践。

这项计划除了提高稻米产量以增加农民的收入，也旨在帮助我国在两年内减少依赖进口白米。

该计划在全国推行，土地面积超过2万6000公顷，涉及将近1万名稻农。(LPP)

Headline	Ministry ramps up Smart SBB introduction efforts		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	04 Jan 2024	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	4	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	79 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,760
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,279



農長：包括拓展沙砂 加大力度推廣智能稻田

(吉隆坡3日讯)农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，农粮部将会加大力度推行大规模智能稻田计划 (Smart SBB)，包括在沙巴和砂拉越扩大稻田种植。

末沙布在脸书专页贴文表示，全国推行大规模水稻种植将有助于满足本地白米需求，尤其是受到气候变化影响的州属。

这项大规模智能稻田计划是由农粮部所推行，并以

仿效雪兰莪适耕庄智能稻田耕作及灌溉创新计划为主，专注于适耕庄农民采用的耕作模式和实践。

这项计划除了提高稻米产量以增加农民的收入之外，也旨在帮助我国在两年内减少依赖进口白米。

该计划在全国推行，土地面积超过2万6000公顷，涉及将近1万名稻农。

Headline	Padi Smart SBB Ala Sekinchan diperluas ke Sabah, Sarawak		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	04 Jan 2024	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	84 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 179
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 536



Padi Smart SBB Ala Sekinchan diperluas ke Sabah, Sarawak

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melipatgandakan usaha serta memperluas penanaman padi di bawah Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan, termasuk di Sabah dan Sarawak pada tahun ini.

Menteri berkenaan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata penanaman padi secara besar-besaran di seluruh negara, akan dapat menampung keperluan beras tempatan terutama bagi negeri yang terjejas dengan perubahan iklim.

Program SMART SBB Ala Sekinchan yang dilaksanakan KPKM itu, memberi penumpuan kepada model dan amalan pertanian baik sebagaimana yang dilaksanakan pesawah di Sekinchan, Selangor.

Selain berupaya menambah pendapatan golongan pesawah menerusi peningkatan hasil padi, program itu juga disasarkan untuk membantu menghentikan kebergantungan negara terhadap beras import dalam tempoh dua tahun.

Program SMART SBB Ala Sekinchan yang kini sedang dilaksanakan di seluruh negara melibatkan hampir 10,000 pesawah dengan keluasan lebih 26,000 hektar. - Bernama

Pertimbang dasar bagi minimum kesan bencana terhadap haiwan

Georgetown: Kerajaan perlu mempertimbangkan pelaksanaan dasar dan strategi bagi mengurangkan risiko sekali gus meminimumkan kesan bencana terhadap haiwan.

Isa susulan kejadian banjir yang melanda beberapa negeri dan haiwan ternakan antara yang banyak menjadi mangsa.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) Mohideen Abdul Kader berkata, pengurangan risiko bencana (DRR) adalah tindakan masa hadapan dan kerjasama dengan pertubuhan kebajikan haiwan antarabangsa boleh dija-



Haiwan menderita semasa bencana kerana ia sangat bergantung kepada manusia"

Mohideen

awal membantu dalam membuat keputusan lebih baik bagi membantu dan melindungi haiwan ini sebelum dan semasa bencana,"

dan ternakan, tanaman serta kerosakan harta-benda.

"Penternak yang bergantung sara hidup kepada penternakan akan terjejas teruk apabila ditimpa bencana kerana haiwan paling kurang diutamakan dalam pengurusan bencana.

"Langkah perlu diambil bagi mengurangkan kerugian ternakan dan kesediaan keemasan adalah penting untuk kebajikan haiwan dan kesinambungan perniagaan," katanya.

Katanya, haiwan yang terperangkap dalam banjir sering mengalami tekanan, kejutan, kerosakan anggota badan, kehilangan darah, dehidrasi dan akhirnya mati akibat lemas.

"Justeru, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang mempunyai pengetahuan, peralatan dan kemudahan perlu segera mewujudkan pusat rawatan dan penyelamatan haiwan di kawasan yang terjejas," katanya.

Animals must be included in flood management plans

FLOODING causes widespread devastation, resulting in the loss of not just human lives but also animals, including livestock, and damage to agricultural crops and properties.

Livestock are constantly among the many casualties in times of natural disasters, particularly floods, which are the most frequent and widespread of all weather-related natural catastrophes.

In the event of a flood, the immediate concern currently is to ensure the safety of people and property, and it can be surmised that there are no precautions in place to safeguard or facilitate the evacuation of farm animals.

According to then deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Chan Foong Hin, the 2021 and 2022 floods caused some RM138.6mil in losses for the



On safer ground: Livestock are constantly among the many casualties in times of natural disasters, particularly floods. – Filepic: NIK NAZI HUSIN/The Star

agricultural, fisheries and livestock sectors. "Floods in 2021, 2022 caused RM138.6mil to agriculture, fisheries, livestock sectors" (*The Star*, June 13, 2023).

Given the magnitude of the losses and importance of livestock to farmers, the Agriculture and Food Security Ministry and the Department of Veterinary

Services, which are responsible for the welfare and health of farm animals, should play a proactive role in animal risk management during disasters.

An effective approach involves not just rescuing the animals but also providing them with food and water, and keeping them safe from flood-related diseases.

Evacuation plans and equipment should be prepared for low-lying areas, and rescue teams must be identified and be ready to respond as soon as an alert is issued. Everyone in the teams involved should be contactable via mobile phones or walkie-talkies.

Ideally, the veterinary authorities should immediately establish animal treatment and rescue centres in the affected areas.

Relevant government agencies, communities, voluntary bodies/organisations and animal welfare

NGOs could all chip in to help.

In some cases, injured animals may need to be moved to other areas for treatment. Dead animals, which can pose a threat to public health, should be removed as soon as possible.

Disaster risk reduction (DRR) is the way forward and the Department of Veterinary Services must work with animal welfare organisations to ensure the safety of pets and livestock during floods.

Malaysia can study the relevant risk reduction programmes being used in many disaster-prone areas worldwide to craft its own strategies and policies in this matter.

MOHIDEEN ABDUL KADER
President
Consumers' Association of Penang

'Mafia' tentukan harga padi, beras, benih

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
haliz.mutalib@mecliamula.com.my

ARAU: Kartel atau 'mafia' padi didakwa dimonopoli empat ke lima syarikat besar sejak sekian lama dan telah mencorak hala tuju industri padi negara sehingga tercetusnya isu benih padi yang berlarutan setiap musim serta masalah ketiadaan beras.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzuki Othman mendakwa, syarikat terlibat juga mempunyai kilang-kilang padi di bawah penguasaan mereka termasuk mengeluarkan benih.

Dakwanya, kartel-kartel tersebut berperanan cukup besar yang menentukan harga padi, beras dan pembekal benih padi sehingga ada yang menepikan arahan kerajaan.

Beliau mendakwa, kartel-kartel tersebut juga memonopoli beras di peringkat nasional iaitu lebih 60 peratus pengeluaran beras negara.

"Terdapat antara empat ke lima syarikat besar ini di mana di bawah mereka ada lagi kilang-kilang yang juga mengeluarkan benih padi. Mereka sebenarnya sudah mencorak hala tuju industri padi negara.

"Sistem yang ada perlu diubah dengan mengeluarkan satu sahaja lesen kepada mereka untuk buat pilihan sama ada lesen kilang padi atau lesen buat atau mengeluarkan benih. Isu



MARZUKHI OTHMAN

kartel ini bukan baharu malah sudah lama berlarutan," katanya.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* pernah melaporkan kira-kira 71,000 pesawah dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berdepan kerugian sehingga RM40 juta semasa musim jika mereka lewat mengusahakan sawah disebabkan tiada benih padi.

Isu kelewatan mengagihkan benih kepada pesawah di Kedah dan Perlis bawah MADA yang semuanya berkeluasan 100,000 hektar bukan perkara baharu tetapi berlarutan sejak beberapa tahun lalu.

Sementara itu, Marzuki mengesyorkan agar hak dan lesen pengilangan benih padi sah hanya diberikan kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan sebagainya.

"Mereka yang dilantik itu juga hanya membekalkan benih kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk tujuan ag-



MAFIA padi menguasai industri itu hingga boleh menentukan harga padi, beras dan benih.

ihan kepada pesawah setempat.

"Selain itu, kerajaan juga diminta sediakan benih 30 hari lebih awal sebelum jadual penanaman padi bermula agar tidak memberi masalah kepada pesawah kelak.

"Bagi mengatasi isu manipulasi beras pula, kerajaan juga dicadangkan mewujudkan satu sahaja gred beras tanpa perlu label import atau tempatan," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban pula berkata, kartel-kartel yang wujud khususnya melibatkan syarikat atau kilang besar ini yang selalunya bermain 'harga' dan bekalan benih padi.

"Mereka lazimnya menguasai termasuk dalam isu benih padi ini. Setiap musim akan dapat disaksikan masalah kelewatan bekalan berulang termasuk

berkaitan harga benih.

"Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan perlu mengambil alih urusan mengeluarkan dan bekalan benih padi ini bagi menjamin kualiti serta mengatasi masalah kelewatan ini," katanya.

Katanya lagi, kartel atau 'mafia' padi yang menguasai ini terus menyebabkan para pesawah tertekan setiap kali musim menanam padi dan ketika menjual hasil tuaian.

Kartel ugut tidak mahu beli padi pesawah

ALORSETAR: Kartel yang didakwa sudah lama menguasai industri padi negara berterusan menindas pesawah termasuk mengugut untuk tidak membeli semula padi jika tidak mengemukakan benih dikeluaran mereka.

Keadaan itu menyebabkan pesawah yang mahu meraih pendapatan lebih melalui penjualan benih padi terpaksa berputih mata apabila bekalan itu terbazir begitu sahaja.

Seorang pesawah yang enggan namanya disiarkan berkata, situasi itu dipercayai sudah lama terjadi sehingga menjadi amalan biasa ekoran tiada peraturan khusus mengenainya.

"Syarikat memberi alasan yang pelbagai antaranya mendakwa petani yang menjual benih kepada mereka tidak mengikut piawaian, benih padi tidak bermutu dan sebagainya.

"Maka diletakkan syarat kalau mahu jual benih padi kepada mereka kena beli benih padi di kilang mereka sejak awal ketika proses menanam yang menyebabkan petani terikat sehingga ke proses tuai," katanya.

Tambahnya, situasi itu dipercayai turut mendorong kepada manipulasi harga benih padi yang lebih tinggi berbanding harga subsidi.

"Sebab itu timbul masalah benih padi, ada yang jual RM50, RM60, RM70 sedangkan harga subsidi RM38 hingga RM45. Kartel ini sudah tentukan hala tuju industri sejak awal lagi," katanya.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPB-MM), Musonnef Md. Radzi turut tidak menolak kemungkinan itu terutamanya melibatkan pengi-



KARTEL padi yang didakwa sudah lama menguasai industri padi negara berterusan menindas pesawah.

lang bersaiz 'gergasi'.
Katanya, ejen-ejen jualan benih padi juga dimiliki oleh

pihak yang memiliki kilang memproses padi sehingga membentuk rangkaian besar yang me-

monopoli industri padi negara.

"Padi beras mereka bolot semua sebab itu ada kilang-kilang kecil yang khususnya dimiliki pengusaha Melayu mati kerana tidak dapat bersaing secara sihat.

"Apatah lagi setiap biji benih padi amat berharga bagi pihak yang mengeluarkannya demi meraih subsidi berjumlah RM1,030 bagi setiap tan benih yang diluluskan Jabatan Pertanian," katanya.

Mengulas lanjut, Musonnef berkata, kemungkinan juga benih padi yang tidak diterima pengilang itu berikutan varieti yang tidak sama dengan dihasilkan mereka.

"Mungkin benih padi yang dihasilkan petani itu dihasilkan sendiri oleh mereka dan berisiko ada penyakit jika dikomersialkan kepada pesawah lain yang menanam padi," katanya.



ABDUL MU'IZ sanggup meninggalkan bidang kejuruteraan untuk menjadi pengusaha pisang yang memberikan pulangan lumayan di kampung Sawah Dato', Mersing baru-baru ini.

Bekas jurutera jana RM3,000 jual pisang

MERSING — Seorang pemuda nekad meninggalkan kerjaya sebagai jurutera sistem di sebuah syarikat swasta bagi mengusahakan tanaman pisang di tanah seluas 2.02 hektar di kampung Sawah Dato' di sini yang dapat menjana pendapatan lumayan.

Abdul Mu'iz Hanafiah, 29, berkata, dia yang mengusahakan 5,000 pokok pisang seperti be-rangan, nipah dan tanduk sejak tiga tahun lalu mampu menjana pendapatan sehingga RM3,000 sebulan dengan membekalkan hasil tanaman itu kepada lebih 10 peniaga.

Katanya, sebelum ini dia hanya menerima gaji hampir RM2,000 sebulan.

Ujarnya, kejayaan yang dicapai itu hasil bimbingan dalam kursus pengukuhan usahawan pertanian dan industri asas tani yang disertainya.

"Saya juga merupakan peserta program Yayasan Petronas empower ECER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan hingga berjaya memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap tiga dalam bidang pertanian Oktober lepas," katanya ketika ditemui di sini ba-

ru-baru ini.

Tambah Lulusan Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer), Universiti Putra Malaysia itu, dia merancang untuk mengembangkan lagi perusahaannya kepada aktiviti yang lebih berteraskan ekopelancongan.

Buat masa ini katanya, dia mempunyai dua kabtri yang dijadikan pengimapan kepada mereka yang berminat untuk merasai pengalaman unik bermalam di ladang pisang.

Pada masa sama, Abdul Mu'iz bercadang untuk menambah aktiviti dan perkhidmatan seperti memberi peluang orang ramai merasai keenakan pelbagai jenis pisang yang ditanam serta pengeluaran pelbagai jenis produk biliran daripada tanaman itu.

Katanya, kini dia juga giat meningkatkan hasil pengeluaran bagi membantu memudahkan penduduk setempat mendapatkan bekalan tanaman tersebut.

"Jika ada minat, berusaha dan rebutlah peluang dengan belajar serta tambah ilmu menerusi kursus yang disediakan. Insya-Allah boleh berjaya," ujarnya.

Nelayan rugi besar jaring ikan rosak

MELAKA - Kira-kira 470 nelayan di Jepun pengkalan di negeri ini mendakwa hasil tangkapan dan pendapatan mereka semakin merosot ekoran pencemaran sampah sarap di perairan sepanjang Klebang sehingga ke Pantai Kundor.

Ketua Nelayan Pengkalan Puteri, Rosli Ahmad, 54, berkata, masalah sampah sarap itu telah berturutan sejak beberapa tahun yang lalu.

Katanya, sampah yang sering tersangkut pada jaring nelayan adalah sisa rumput dipercaya dipotong oleh kontraktor pembersihan sebelum dibuang ke sahan longkang.

"Sebab sampah ini punca banyak jaring nelayan rosak teruk dan terpaksa menanggung kerugian mencecah ribuan ringgit.

"Bukan itu sahaja hasil tangkapan pun kurang kerana jaring

pukat hanyut dipembi runput, plastik dan sebagainya, begitu juga nelayan udang geragau yang menyungkur turut terjejas", ujarnya.

Rosli berkata, antara pengkalan yang terjejas teruk adalah Pengkalan Nelayan Pantai Puteri, Pantai Kundor, Pantai Rombang, Pantai Jaring, Pantai Perigi, Tanjung Kling dan Lereh. Seorang nelayan, Mohd. Muszairi Mohamed, 37, berkata, dia rugi RM8,000 selepas jaringnya koyak terkena kayu hanyut.

"Semalam jaring saya dah hancur rabak dan siapa nak jawab sekarang? Saya kesal dengan sikap individu yang membuang sampah di dalam longkang sehingga menjadi punca utama perairan tercemar", ujarnya yang membuat laporan di Balai Polis Tanjung Kling.



SEBAHAGIAN nelayan menunjukkan jaring yang rosak akibat terkena bahan buangan di dalam laut di Melaka semalam.

4/1/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Rugi lebih RM25,000 tanaman musnah ditenggelami banjir

Oleh YATIMIN ABDULLAH

yatimin.abdullah@medianesia.com.my

RANTAU PANJANG: Seorang petani kerugian lebih RM25,000 selepas tanaman mentimun yang dusahkannya secara fertigasi di Kampung Telaga Mas di sini musnah ditenggelami banjir, minggu lalu.

Situasi tersebut sekali gus merampakan impian Mohd. Nor Hafiz untuk menunaikan hasratnya untuk dusahkannya itu.

Menurutnya, ini merupakan kali kedua dia berdepan keru-

gian akibat banjir sejak tahun 2022.

"Sebelum ini kawasan ladang tidak pernah ditenggelami air lebih 0.7 meter. Kalau ada pun ia tidak terus, selain itu air mudah surut.

"Namun sejak pembinaan benteng, menerusi projek Pembangunan Lembangan, Sungai Bersepadu (PILSB) Sungai Colok, kawasan kebun ini sering dilanda banjir buruk," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Mohd. Nor Hafiz memberitahu, dia hanya sempat menuai hasil beberapa kali sebelum ladangnya ditenggelami banjir.

Katanya, peningkatan paras air terlalu cepat dan tinggi menyebabkan dia hanya mampu melihat dari jauh 3,000 polibag, tanaman mentimunya itu ditenggelami air.

"Saya reda dengan apa yang berlaku dan menganggap ia sebagai satu ujian.

"Banjir hujung Februari 2022 saya kerugian hampir RM15,000," ujarnya.

Mohd. Nor Hafiz berkata, dia akan terus berjuang selepas ini untuk mengusahakan semula tanaman tersebut yang merupakan mata pencarian utama menyara keluarga.



MOHD. NOR HAFIZ MOHD. NOR menunjukkan tanaman mentimun secara fertigasi miliknya yang ditenggelami banjir di Kampung Telaga Mas, Rantau Panjang, Kelantan. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

ANGKASA peruntuk RM10 juta ceburi sektor agromakanan

Terengganu: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) memperuntukkan RM10 juta kepada koperasi yang berminat mencaburi sektor agromakanan di seluruh negara.

Presidennya, Datuk Seri Dr. Abdul Bahau, berkata, berikutan usulan ini, 30 peratus daripada RM10 juta ini akan digunakan untuk membangunkan projek-projek inisiatif menggerakkan koperasi serta mewujudkan ekosistem baharu dalam industri ternakan ayam.

"Kita telah indasatri ternakan ayam dahuasi dan diusahakan kumpulan ternakan yang sedang memaputasi harga dan belanjanya," katanya.

"Kita yakin projek perintis itu mampu membekalkan ayam segar dan memenuhi permintaan pasaran domestik," katanya.

"Secara keseluruhan ANGKASA mempunyai 14,600 juta yang dapat dipisahkan setiap tahun untuk membangunkan projek-projek inisiatif koperasi, tidak termasuk keperluan indasatri seperti kereta, peralatan, pelabur dan lain-lain," katanya.

Rajana berkata demikian selepas melancarkan lawatan kerja ke ladang perintis ternakan ayam di Kompleks Koperasi Kelumpang, Kemuning, Tampung, Rajah Sungsang dekat sini.

Empati peruntukan peneraju

Menghuliai kerjasama ANGKASA dengan kerajaan dan industri, Yunos Kampong Raja, Berhad Sungsang, katanya, in perintis gerakkan ekosistem baharu, peningkatan ternakan ayam bersektoran ternakan ayam bersektoran tinggi pasaran negara.

Katanya, koperasi ini dipilih kerana berpengalaman lebih empat tahun dalam membangunkan ternakan ayam serta mempunyai modal dan mampu memantapkan perancangan serta pembebasan perkhidmatan kepada petani. Beliau berharap projek ini dapat meningkatkan pendapatan petani.

"Projek ini diusahakan bersama ANGKASA, langkah persendirian kerajaan dan industri ternakan ayam dan produk berkaitan dapat memenuhi permintaan pasaran yang semakin meningkat," katanya.

"Sekiranya 20,000 anak ayam dihasilkan di ladang ternakan Koperasi Kelumpang Hajj Yusof dan dalam projek ini, 35 hari kita dapat menjualnya," katanya.

"Harap ternakan ini akan dipasarkan kepada 1,200 koperasi yang menyenaraikan program pembekalan Barangan Asas 100 (BAP) dan mempromosikan secara digital," katanya.